



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**14 Oktober 2023
28 Rabiulawal 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	- Pulau Pinang mohon diberi AP barangan asas - Pelepasan 172,500 benih ikan bantu nelayan darat
Berita Harian	
Harian Metro	172,500 benih ikan dan udang dilepas ke perairan Sungai Perak - Lima nelayan Myanmar ditahan ceroboh kawasan larangan
Kosmo !	- Bot tempatan 'dikuasai' nelayan Myanmar - Benih 'talian hayat' - Subsidi, insentif bantu pesawah, nelayan RM2.6 bilion
Sinar Harian	Demi kesinambungan hidupan akuatik
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysiakini	
Bernama	
Borneo Post (KK)	
Guan Ming Daily	
Sabah Media	

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			41	14/10/2023

172,500 benih ikan dan udang dilepas ke perairan Sungai Perak

4m m341 1446

Lenggong: Sebanyak 172,500 benih ikan dan udang bernilai RM57,310 dilepaskan ke perairan Sungai Perak di jeti nelayan Kampung Luat di sini bagi menambah stok perikanan dan memperkayakan sumber ikan asli.

Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad berkata antara benih ikan itu ialah 15,000 lampam, baung (12,500), terbul (50,000), keraf dan temoleh masing-masing 1,000

selain 93,000 ekor udang galah.

"Pelepasan benih ikan di perairan umum bertujuan memperkaya dan mengekalkan sumber perikanan di sungai serta memulihara khazanah warisan sungai.

"Jika sungai dipulihara dengan baik, maka ia mampu meningkatkan hasil pendapatan dan nilai sara diri termasuk kepada lebih 3,000 nelayan darat di Perak," katanya.

Beliau berkata demikian berucap merasmikan Majlis Penyerahan Jeti Nelayan Darat Kampung Luat dan Program Pelepasan Benih Ikan Di Perairan Umum Serentak Seluruh Malaysia 2023 Peringkat Negeri Perak, semalam.

Saarani berkata setiap tahun, lebih dua juta ekor benih ikan dan udang pelbagai spesies bernilai lebih RM500,000 dilepaskan di perairan sungai di negeri ini.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	
						12 14/10/2023



BOT nelayan tempatan yang ditahan selepas melanggar syarat sah lesen di perairan Pulau Kendi, George Town semalam.

Bot tempatan 'dikuasai' nelayan Myanmar

GEORGE TOWN – Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan tempatan (BNT) kelas C di perairan Pulau Kendi di sini semalam, selepas melanggar syarat sah lesen.

Pemangku Pengarah Maritim Negeri Pulau Pinang, Komander Maritim SP Nak Rong berkata, bot itu ditahan ketika sedang menangkap ikan di kedudukan 24.6 kilometer barat Pulau Kendi.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati bot berkenaan dikendalikan lima kru termasuk tekong warga Myanmar berusia lingkungan 28 hingga 49 tahun.

"Pemeriksaan lanjut mendapati bot terbabit tidak mempunyai permit kelulusan penggunaan kru bukan warganegara daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya di sini semalam.

Menurutnya, dua kru bot tersebut juga gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah sewaktu penggeledahan dilaksanakan.

"Mereka disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 iaitu melanggar syarat sah lesen dan Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 iaitu tidak memiliki permit atau pass yang sah," katanya.

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		36	14/10/2023

Pulau Pinang mohon diberi AP barangan asas

Oleh SITI NUR MAS
ERAH AMRAN

utusannews@mediamula.com.my

BUTTERWORTH: Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang memperincikan kertas kerja memohon Permit Import (AP) bagi menguruskan sendiri barangan keperluan asas.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan, Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol berkata, ia susulan hasrat kerajaan negeri yang mahu menguruskan sendiri kawalan barangan makanan asas seperti beras, minyak masak dan gula.

Katanya, permohonan itu akan dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam tempoh seminggu dua lagi.

"Sekiranya kita pegang AP sendiri, isu orang tengah yang mengakibatkan kekurangan beras ini sudah pastinya tidak akan berlaku.

"Jika stok atau bekalan beras, minyak masak atau gula kurang, kita boleh kawal kerana kerajaan negeri sendiri yang menguruskan AP.

"Kita semua sedia maklum, sebelum ini AP diberikan kepada syarikat swasta dan orang biasa, namun kini sudah tiba masanya Kerajaan Pusat serahkannya kepada kerajaan negeri," katanya.



FAHMI Zainol dan Zarina Zainuddin melepaskan anak benih ikan di sungai Kampung Jambatan Merdeka, Butterworth, Pulau Pinang, semalam.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Pelepasan Benih Serentak Seluruh Malaysia 2023 anjuran Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang di Kampung Jambatan Merdeka, di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihaknya kini sedang mengenal

pasti jentera dan kemudahan logistik yang dimiliki kerajaan negeri bagi memastikan permohonan terbabit berjalan lancar.

"Kita mahu mesin sendiri untuk bungkus serta pek bekalan beras dan keperluan asas lain.

"Selain itu, gudang turut diperlukan untuk menempatkan beka-

lan makanan asas terbabit khusus buat kegunaan penduduk negeri ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Zarina Zainuddin berkata, sebanyak 100,000 benih udang dilepaskan di perairan terbabit menerusi program semalam.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	25	14/10/2023

Antara benih yang dilepaskan ialah 15,000 lampam, baung (12,500), terbul (50,000), kerei dan temoleh masing-masing 1,000 serta 93,000 ekor udang galah.



Demi kesinambungan hidupan akuatik

Lebih 170,000 benih ikan dan udang dilepaskan ke Sungai Perak

LENGGONG

Sebanyak 172,500 ekor benih ikan dan udang bernilai RM57,310 dilepaskan ke perairan Sungai Perak di jeti nelayan Kampung Luat di sini bagi menambah stok perikanan dan memperkayakan sumber ikan asli.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, antara benih ikan itu ialah 15,000 lampam, baung (12,500), terbul (50,000), kerei dan temoleh masing-masing 1,000 selain 93,000 ekor udang galah.

"Pelepasan benih ikan di perairan umum bertujuan memperkaya dan mengekalkan sumber perikanan di sungai serta memulihara khazanah warisan sungai.

"Jika sungai dipulihara dengan baik, maka ia mampu meningkatkan hasil pendapatan dan nilai sara diri termasuk kepada lebih 3,000 nelayan darat di Perak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penyerahan Jeti Nelayan Darat Kampung Luat dan Program Pelepasan Benih Ikan Di Perairan Umum Serentak Seluruh Malaysia 2023 Peringkat Negeri Perak di sini pada Jumaat.

Saarani berkata, setiap tahun le-



Saarani (depan, dua dari kanan) melepaskan benih ikan ke perairan Sungai Perak pada program Majlis Penyerahan Jeti Nelayan Darat Kampung Luat dan Program Pelepasan Benih Ikan Di Perairan Umum Serentak Seluruh Malaysia 2023 Peringkat Negeri Perak.

bih dua juta ekor benih ikan dan udang pelbagai spesies bernilai lebih RM500,000 dilepaskan di perairan sungai di negeri ini.

Sementara itu, beliau berkata, program itu amat penting dengan mengambil kira masalah pencemaran spesies ikan asing invasif yang dilaporkan sangat membimbangkan kebelakangan ini, selain peningkatan jumlah ikan asing invasif yang mengancam ekosistem semula jadi perairan sungai termasuk di Perak.

Menurut Saarani, antara spesies ikan asing invasif yang biasa dijumpai di perairan Perak ialah ikan bandarya (*Hypostomus plecostomus*), ikan raja atau peacock bass dan udang kara air tawar.

"Spesies ikan asing invasif ini

mengancam populasi ikan asli kerana bersifat traumatogenik, kewilayahan, mudah membiak dan bersifat pemangsa," katanya.

Beliau mahu Jabatan Perikanan Negeri Perak lebih kerap mengambil inisiatif mengadakan pameran berkaitan spesies ikan asing yang terdapat di sungai dan tasik di negeri ini untuk beri pendedahan kepada orang awam dan nelayan tempatan mengenai kesan negatif kehadiran spesies ikan asing ini di perairan negara.

Berkaitan pembinaan jeti nelayan berkenaan, Saarani berkata, ia jalan penyelesaian kepada rintihan nelayan tempatan terhadap ketiadaan kemudahan jeti pendaratan ikan yang selesa dan selamat serta kemudahan menambat bot mereka. - Bernama

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF	NEUTRAL	33	14/10/2023

Pelepasan 172,500 benih ikan bantu nelayan darat

Oleh FADZIL ZAINOL
utusannews@mediamula.com.my

LENGGONG: Kira-kira 3,000 nelayan darat di seluruh Perak boleh menarik nafas lega apabila 172,500 ekor benih ikan dilepaskan di Sungai Perak.

Program pelepasan benih itu dilakukan di Jeti Nelayan Darat Kampung Luat di sini hari ini melibatkan ikan Lampam sebanyak 15,000 ekor, Baung (12,500 ekor), Terbul 50,000 ekor, Kerai (1,000 ekor), Temoleh (1,000 ekor) serta 93,000 ekor Udang Galah.

Pelepasan ke perairan umum di Sungai Perak itu dilakukan dalam majlis yang dihadiri oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, dengan nilai benih ikan dan udang tersebut sebanyak RM57,310.

Saarani berkata, program itu penting ekoran masalah pencemaran spesies ikan asing invasif yang membimbangkan selain merupakan usaha berterusan bagi mengekalkan sumber perikanan di sungai serta memulihara khazanah.

"Saya dimaklumkan mengenai peningkatan jumlah ikan asing invasif yang mengancam ekosistem semula jadi perairan sungai termasuk di negeri Perak.

"Jika sungai kita dipulihara dengan baik, maka ia mampu



SAARANI Mohamad (kanan) menyaksikan pelepasan benih ikan ke Sungai Perak di Jeti Nelayan Darat Kampung Luat, Lenggong semalam.

meningkatkan hasil pendapatan dan nilai sara diri termasuk kepada lebih 3,000 orang nelayan darat di seluruh negeri Perak," katanya semasa berucap merasmikan majlis tersebut.

Kata menteri besar itu, antara spesies ikan asing invasif yang biasa dijumpai di perairan negeri Perak adalah ikan placo atau bandarraya, *peacock bass*

serta udang kara air tawar.

Jelasnya, spesies ikan asing invasif mengancam populasi ikan asli kerana bersifat kewilayahan, mudah membiak dan bersifat pemangsa.

Program pelepasan benih ikan di perairan umum itu turut diadakan secara serentak di seluruh negara.

Dalam program sama, Saa-

rani turut merasmikan pembukaan jeti baharu di situ sebagai menyelesaikan masalah masyarakat dan nelayan tempatan kerana ketiadaan kemudahan jeti pendaratan ikan yang selesa dan selamat.

Kos membina jeti tersebut ialah sebanyak RM258,000 menggunakan peruntukan kerajaan negeri.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF	NEUTRAL	18	14/10/2023



SAARANI melihat jeti pendaratan ikan yang baharu menampilkan ciri-ciri lebih selesa dan selamat kepada nelayan di Sungai Perak semalam.

Spesies invasif ancam ikan di Sungai Perak

Benih 'talian hayat'

Oleh FADZIL ZAINOL

LENGGONG – Kerajaan negeri bertindak pantas apabila melepaskan 172,500 benih ikan dengan harapan supaya 3,000 nelayan tidak terputus rezeki selepas hidupan Sungai Perak diancam spesies ikan asing invasif.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, antara anak ikan yang dilepaskan di sungai itu termasuk lampam (15,000), baung (12,500), terbul (50,000), kerai dan temoleh masing-masing 1,000 serta udang galah (93,000) bernilai RM57,310.

Katanya, tindakan itu penting ekoran masalah pencemaran spesies ikan asing invasif yang membimbangkan selain merupakan usaha berterusan bagi mengekalkan sumber perikanan di sungai serta memulihara khabanah.

"Saya dimaklumkan mengenai

peningkatan jumlah ikan asing invasif yang mengancam ekosistem semulajadi perairan sungai termasuk di negeri Perak.

"Jika sungai kita dipulihara dengan baik, maka ia mampu meningkatkan hasil pendapatan dan nilai sara diri termasuk kepada lebih 3,000 orang nelayan darat di seluruh negeri Perak," katanya pada program itu di Jeti Nelayan Darat Kampung Luat di sini semalam.

Menurut Saarani, antara spesies ikan asing invasif yang biasa dijumpai di perairan negeri Perak adalah ikan placo atau bandaraya, peacock bass serta udang kara.

Tambahnya, spesies ikan asing invasif mengancam populasi ikan asli kerana bersifat kewilayahan, mudah membiak dan bersifat pemangsa.

Program pelepasan benih ikan di perairan umum itu turut di-

adakan secara serentak di seluruh negara.

Dalam program sama, Saarani turut merasmikan pembukaan jeti baharu di situ sebagai menyelesaikan masalah masyarakat dan nelayan tempatan kerana ketiadaan kemudahan jeti pendaratan ikan yang selesa dan selamat.

Kos membina jeti tersebut ialah sebanyak RM258,000 menggunakan peruntukan kerajaan negeri.

Untuk rekod, ikan placo, peacock bass dan udang kara merupakan spesies yang sinonim dengan sifat suka membersihkan dan memakan alga, sisa makanan dan ikan lain di dalam ekosistem yang boleh menyebabkan ia pupus.

Masalah tersebut akan mengakibatkan nelayan sukar untuk mendapat hasil.

Kehadiran spesies berkenaan di dalam hidupan air menjadi kekusaran buat nelayan.

						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL	3	14/10/2023

Subsidi, insentif bantu pesawah, nelayan RM2.6 bilion

Kosmo MS 1446

PETALING JAYA — Kerajaan menyediakan RM2.6 bilion bagi menyalurkan pelbagai bentuk subsidi dan insentif kepada para pesawah dan nelayan dalam belanjawan 2024.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika pembentangan Belanjawan 2024 semalam berkata, peruntukan itu meningkat RM600 juta berbanding 2023.

Katanya, ia selaras dengan keputusan kerajaan menaikkan kadar Skim Subsidi Harga Padi daripada RM360 kepada RM500 per metrik tan.

"Saya mendengar rungutan pesawah padi apabila harga belian oleh pengilang telah diturunkan kepada tahap minimum 1,200 ringgit per metrik tan, sedangkan sebelum ini harga belian oleh pengilang jauh lebih tinggi.

"Justeru, kerajaan memutuskan untuk meningkatkan harga rantai belian padi kepada RM1,300 per metrik tan demi membantu pendapatan pesawah," katanya.

Kata Anwar, sebanyak RM400 juta juga disediakan bagi melaksanakan Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan dengan tumpuan meningkatkan pengeluaran tanaman makanan



GOLONGAN pesawah terus diberi perhatian oleh kerajaan bagi membantu meningkatkan taraf ekonomi mereka. — GAMBAR HIASAN

tempatan.

"Antaranya, RM150 juta untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri, RM50 juta bagi pelaksanaan kaedah baharu perolehan baja secara tender terbuka, selain RM50 juta untuk membekalkan 50,000 pesawah dengan baja bio dan organik," ujarnya.

Selain itu, Anwar berkata, kerajaan turut memperuntukkan RM50 juta di bawah Tabung Bencana Pertanian bagi memberi pampasan sehingga 50 peratus daripada nilai kerugian akibat bencana.

"RM50 juta lagi turut disediakan sebagai dana permulaan di

bawah Skim Takaful Tanaman Padi untuk manfaat lebih 24,000 pesawah," jelasnya.

Sementara itu, kerajaan ber-setuju untuk menaikkan paras harga pengaktifan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) kepada RM3 daripada RM2.70 sekilogram dengan peruntukan sebanyak RM400 juta.

Dalam pada itu, kerajaan memutuskan berkaitan kawalan harga sementara yang ditetapkan dilepaskan supaya pasaran tempatan boleh berfungsi semula dengan bebas dalam memastikan keterjaminan bekalan ayam dan telur di pasaran.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL			30	14/10/2023

Lima nelayan Myanmar ditahan ceroboh kawasan larangan

GEORGE TOWN - Padah menangkap ikan di kawasan larangan, lima nelayan warga Myanmar ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang selepas didapati melakukan pelbagai kesalahan.

Pemangku Pengarah Maritim Pulau Pinang, Komander Maritim S Nak Rong berkata, pihaknya menahan sebuah bot nelayan tempatan Kelas C pada kedudukan 13.3 batu nautika barat Pulau Kendi pada Khamis.

"Ketika melakukan rondaan, Kapal Maritim (KM) Sikuati mengesan sebuah bot nelayan tempatan sedang menangkap ikan di kedudukan tersebut.

"Sejurus ditahan, pemeriksaan mendapati lima nelayan termasuk tekong berusia lingkungan 28 hingga 49 tahun adalah warga Myanmar.

"Siasatan lanjut mengesahkan bot tersebut tidak mempunyai permit kelulusan penggunaan kru bukan warganegara daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Beliau berkata, dua daripada mereka gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri sah ketika pengeledahan.

"Mereka disyaki melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 iaitu melanggar syarat sah lesen dan Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63.

"Bot bersama semua nelayan diserahkan kepada pegawai siasatan APMM Pulau Pinang untuk tindakan lanjut," katanya.



Lima nelayan Myanmar ditahan kerana menangkap ikan di kawasan larangan pada Khamis.